

BAHAGIAN B

[30 markah]

- 1 Dalam bahan di bawah, terdapat kesalahan-kesalahan ejaan. Kenal pasti **dua** kesalahan tersebut dan tulis ejaan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

Filem tempatan masih tidak dapat berdiri sama tinggi dengan filem yang di import. Hal ini dikatakan demikian kerana banyak kekangan yang terpaksa dihadapi oleh pengusaha filem tempatan. Selain kekurangan pakar yang dapat menghasilkan skrip yang bermutu, industri perfileman tempatan juga menghadapi masalah kekurangan tenaga professional seperti pengarah, penyunting dan jurugambar. Kekurangan modal turut menggugat kemajuan filem tempatan.

- (a) _____

- (b) _____

[2 markah]

- 2 Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat **satu** kesalahan bahasa. Kenal pasti kesalahan-kesalahan tersebut dan tulis jawapan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (a) Pihak berkuasa tempatan telah mengambil beberapa usaha-usaha positif untuk menangani masalah pencemaran sungai.

- (b) "Jika sekiranya penduduk di kampung ini tidak mahu berusaha, kejayaan yang diharapkan sudah pasti tidak dapat dicapai," ujar ketua kampung.

[2 markah]